



Tan Chong Motor Holdings Berhad
(Incorporated in Malaysia)
COMPANY NO.: 197201001333 (12969-P)

Telephone: +603 4047 8888
Email: tcmh@tanchonggroup.com
Website: www.tanchonggroup.com

Registered Office:
62-68, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur, Malaysia

TATAKELAKUAN PEMBEKAL KUMPULAN TAN CHONG MOTOR HOLDINGS (“TPK”)

PENDAHULUAN

Menjalankan perniagaan secara beretika dan mampan ialah dasar asas Tan Chong Motor Holdings Berhad dan kumpulan syarikatnya (“Kumpulan TCMH”).

Oleh itu, Tatakelakuan Pembekal (“TPK”) ini diwujudkan khas untuk pembekal Kumpulan TCMH yang menyediakan perkhidmatan dalam premis Kumpulan TCMH (secara koletifnya dikenali sebagai “Pembekal”) untuk memastikan semua urusan perniagaan yang dijalankan di seluruh rantaian bekalan Kumpulan TCMH mematuhi piawaian Kumpulan TCMH.

Sebagai Pembekal, anda harus mematuhi TPK ini dan juga memastikan bahawa amalan dan prinsip yang diperuntukan dalam TPK ini disampaikan kepada pekerja dan subkontraktor anda. Berikutannya, Kumpulan TCMH akan terus menjalankan audit dan penilaian terhadap pematuhan Pembekal ke atas TPK ini.

Kumpulan TCMH berhak untuk meminda TPK ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan menerbitkan TPK yang dipinda di Tapak Web Kumpulan TCMH (<https://www.tanchonggroup.com/corporate-integrity>) atau dengan cara lain yang mungkin dimaklumkan oleh Kumpulan TCMH.

MEMBUAT LAPORAN TERHADAP AKTIVITI YANG TIDAK WAJAR

Integriti telah menjadi asas kepada semua urusan perniagaan Kumpulan TCMH sejak ia ditubuhkan pada tahun 1957. Oleh itu, mana-mana pekerja atau subkontraktor Pembekal hendaklah membuat laporan secara tanpa nama dan sulit ke atas sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan Pembekal tentang:

- (i) perbuatan yang boleh dipersoalkan atau kemungkinan pelanggaran TPK ini kepada Kumpulan TCMH dan/atau amalan rasuah yang sebenar atau yang disyaki dengan niat baik melalui saluran berikut:

Talian Utama: 1800-888-245
E-mel: compliance@tanchonggroup.com

Saluran tambahan untuk membuat laporan ke atas amalan rasuah Pembekal yang sebenar atau yang disyaki boleh dibuat dengan cara menghantar mesej teks dengan menggunakan 'Hotform' Kepatuhan atas talian.



Tan Chong Motor Holdings Berhad
(Incorporated in Malaysia)
COMPANY NO.: 197201001333 (12969-P)

Telephone: +603 4047 8888
Email: tcmh@tanchonggroup.com
Website: www.tanchonggroup.com

Registered Office:
62-68, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur, Malaysia

TATAKELAKUAN

Pembekal mesti mematuhi semua keperluan peraturan, antaranya:

Pembekal hendaklah menghormati perjanjian berkontrak, kerahsiaan maklumat, hak milik intelektual dan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) berhubung dengan data peribadi (seperti yang ditakrifkan dalam PDPA 2010).

Amalan Buruh

Pekerja tetap atau sepenuh masa, pekerja sambilan, pekerja dalam tempoh percubaan, pelatih, pekerja intern, pekerja dipinjamkan dan kakitangan dengan kontrak tempoh tetap Pembekal (“Pekerja”) tidak boleh kurang daripada umur minimum berkanun untuk bekerja yang diperuntukkan dalam undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Semua kerja harus dilakukan oleh Pekerjanya secara sukarela dan bukan di bawah ancaman apa-apa bentuk hukuman atau paksaan. Buruh paksa, termasuk buruh terikat, pemerdagangan, ikatan kontrak atau penjara adalah dilarang sama sekali.

Pekerja mesti dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah; bebas daripada penderaan emosi, lisan dan fizikal.

Selain itu, Pekerja tidak boleh dikenakan diskriminasi dalam pengambilan, pampasan atau disiplin, berdasarkan jantina, umur, agama, status perkahwinan, bangsa, orientasi seksual, kecacatan, penyakit, kewarganegaraan, kehamilan, atau kesatuan sekerja dan/atau hubungan politik.

Pampasan pekerja termasuk gaji, gaji lebih masa, faedah dan cuti bergaji: Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan gaji, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan gaji minimum, jam kerja lebih masa dan faedah yang dimandatkan secara sah.

Waktu bekerja: Pembekal hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan keperluan waktu bekerja. Semua kerja lebih masa mestilah secara sukarela dan dipersetujui bersama antara Pekerja dan Pembekal, dan diberi pampasan pada kadar yang selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Pekerja hendaklah diberi bilangan hari rehat seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Pembekal mesti menghormati hak pekerja untuk kebebasan berkesatuan dan perundingan bersama seperti yang dibenarkan oleh undang-undang

Tingkah Laku Beretika

Kumpulan TCMH berusaha untuk mengekalkan piawaian tingkah laku beretika dan tanggungjawab korporat yang tinggi serta mempengaruhi Pembekalnya supaya beroperasi dengan standard yang sama tinggi seperti Kumpulan TCMH.

Pembekal mesti beroperasi dengan piawaian tingkah laku beretika dan tanggungjawab korporat yang tinggi. Pembekal haruslah dan hendaklah mendidik dan memastikan Pekerjanya supaya tidak terlibat dalam sebarang bentuk sogokan, pemerasan, rasuah, fraud, pengisytiharan palsu, kecurian, penyalahgunaan kuasa, pengubahan wang haram, pemalsuan atau perdagangan orang dalam.

Tempat Kerja yang Selamat

Kumpulan TCMH komited kepada pendekatan tanpa kemalangan dalam aspek kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor, penyewa dan pelawat ke premisnya.



Tan Chong Motor Holdings Berhad
(Incorporated in Malaysia)
COMPANY NO.: 197201001333 (12969-P)

Telephone: +603 4047 8888
Email: tcmh@tanchonggroup.com
Website: www.tanchonggroup.com

Registered Office:
62-68, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Kuala Lumpur, Malaysia

Pembekal mestilah:

- (i) mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan;
- (ii) mempunyai langkah-langkah, sistem, perlindungan yang mencukupi dan menjalankan latihan yang berkenaan dengan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan Pekerja.

menyediakan barang dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan TCMH. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada mematuhi undang-undang dan amalan alam sekitar, melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar dan meningkatkan kecekapan bahan dan sumber, mengurangkan sisa dan mencegah pencemaran.

Tanggungjawab, Ketelusan dan Akauntabiliti

Perlindungan Alam Sekitar

Pembekal hendaklah secara aktif berusaha untuk menambah baik alam sekitar semasa menjalankan urusniaga mereka atau semasa

Pembekal mesti telus dalam dasar, proses dan piawaian mereka yang mengawal operasi mereka dan yang berkaitan dengan pematuhan mereka terhadap TPK ini.